

**Media Perlu Guna Kuasa Pujukan Bagi Mengutuk Tindakan Ekstremisme  
Bernama  
19 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Media perlu menggunakan kuasa pujuannya bagi mengutuk tindakan ekstremisme, kata penceramah Persidangan Antarabangsa Pergerakan Kesederhanaan Global.

Bekas Timbalan Perdana Menteri Singapura, Prof S. Jayakumar berkata kalangan media sahaja sudah cukup kuat untuk menetapkan sebarang propaganda yang boleh menggongcang atau mengukuhkan dunia, ini termasuk untuk mendedahkan isu yang terselindung.

"Ini kerana, kadang kala kita menghadapi satu keadaan yang dipalingkan daripada sesuatu yang lebih penting, sebilangan kecil daripada anda tidak diperiksa dan tidak diperbetulkan, dalam satu tempoh masa ia akan mengumpulkan momentum yang akan melindungi sentimen sebenar dan pandangan majoriti. Jadi media mesti menggambarkan kedudukan arus perdana dan sentimen," katanya ketika menjawab soalan dari seorang perakilan.

Katanya, ini disebabkan daripada tindakan pengamail media yang tidak bertanggungjawab yang mengeluarkan kenyataan berdasarkan prejudis, kebencian dan nakal, sambil berkata malah ia lebih buruk lagi dengan penggunaan internet.

"Bagaimana nak mengawal dunia siber dan media? Sebenarnya, anda tidak boleh kawal, maksud saya jika kita cuba berurusan dengan penyedia perkhidmatan yang ada di sesebuah negara, mereka boleh menggunakan khidmat penyedia perkhidmatan dari luar," katanya.

Pandangannya turut dikongsi bersama bekas Naib Presiden Mahkamah Keadilan Antarabangsa, Christopher G. Weeramantry, yang mencadangkan supaya satu kod etika yang universal bagi media diwujudkan.

"Cuba adakan satu kod etika yang sepadan dengan profesion pengamal media dan profesion itu sendiri dan perlu ada kod etika pengawalseliaan, yang mana malangnya ia tidak cukup untuk dilaksanakan tetapi usaha telahpun dilakukan ke arah itu dan ini boleh diperkukuhkan dan dikuatkuasakan," katanya.

Sementara itu, Profesor Sains Politik Universiti Conpenhagen, Prof Timo A Kivimaki berkata satu bentuk kawalan yang sederhana boleh dilakukan ke atas media.

"Kita perlu berhati-hati, memandangkan Perdana Menteri Malaysia (Datuk Seri Najib Tun Razak) dalam ucapan perasmianya berkata 'tujuannya bukan untuk mengawal golongan pelampau, tetapi tujuannya untuk menjadikan suara hati lebih lantang'," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=641200>

